

# BULETIN KNSTP

## BUKU SIMPANAN EMAS (BSE)



Emas merupakan aset yang mudah dimiliki oleh semua orang terutama sebagai perhiasan diri di kalangan wanita. Sekiranya berlaku kecemasan, barang kemas ini boleh dijadikan cagaran bagi mendapatkan wang tunai di Ar-Rahnu X'Change.

Emas 999 merupakan nilai emas yang paling tinggi. Kebanyakan syarikat pelabur emas telah menjual dinar emas dengan berat serendah 1 gram bagi tujuan pemilikan dan simpanan masa depan kepada masyarakat umum. Kebanyakan dinar emas yang dibeli tersebut boleh dicagarkan semula di tempat pembelian dinar emas tersebut.

Disebabkan kurang kemampuan untuk membeli emas 999 secara fizikal, maka, pelaburan emas telah dilakukan secara digital. Koop NSTP juga tidak ketinggalan dengan mewujudkan BUKU SIMPANAN EMAS (BSE) yang telah dilancarkan pada 25 Jun 2023.

BSE KOOP NSTP telah memberi peluang kepada anggota untuk menabung melalui belian emas dalam bentuk emas digital bagi manfaat jangka panjang. Tabungan adalah serendah RM10. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan gaji majikan, pengeluaran dari Simpanan Khas dan bayaran secara tunai di kaunter atau atas talian.

Gram emas yang terkumpul di BSE boleh dikeluarkan dan ditukarkan dalam bentuk tunai mahupun emas fizikal (KNSTPGOLD). Setiap transaksi jual beli emas secara digital boleh dilakukan sendiri oleh anggota. Kenaikan harga emas, akan memberi pulangan dari hasil pelaburan yang dibuat.

Di harap dengan adanya BSE dan jualan KNSTPGOLD ini, setiap anggota akan mempunyai tabungan yang dapat menjamin masa depan.

### “JOM MENABUNG & MENANG CABUTAN BERTUAH”

Sebarang pertanyaan, sila hubungi : KOOP NSTP di talian 03-22824647 / 011-55004647

#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAGIA



KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD  
AR-RAHNU X'CHANGE DATARAN MENTARI  
AR-RAHNU X'CHANGE BANDAR SERI PUTRA



KNSTP MART  
@KOOPNSTP  
@KNSTP\_MART